

Kepada

Semua Pegawai Daerah,

Semua Ketua Kampung,

Semua Pengerusi JKKK,

Semua Ketua Komuniti Kaum India,

Negeri Selangor Darul Ehsan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 2 TAHUN 2012**

**PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN BILANGAN 1 TAHUN
2011 : GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN
KETUA KAMPUNG DAN PENERUSI JAWATANKUASA KEMAJUAN
DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JKKK) NEGERI SELANGOR**

1.0 TUJUAN

- 1.1** Surat Pekeliling Perbendaharaan ini dikeluarkan adalah untuk meminda dan memaklumkan kepada semua Pegawai Daerah, Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK serta Ketua Komuniti

Kaum India mengenai jumlah peruntukan dan penggunaan peruntukan Ketua Kampung, Pengerusi JKKK dan Ketua Komuniti Kaum India di Negeri Selangor.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Negeri Selangor mempunyai seramai 368 orang Ketua Kampung Tradisi, 42 orang Pengerusi JKKK Kampung Baru, 19 orang Pengerusi JKKK Kampung Bagan dan 17 orang Pengerusi JKKK Kampung Tersusun. Di samping itu terdapat seramai 45 orang Ketua Komuniti Kaum India di Negeri Selangor.

2.2 Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 23/2012 bertarikh 20 Jun 2012, setiap Ketua Kampung, Pengerusi JKKK dan Ketua Komuniti diperuntukkan sejumlah **RM10,000.00 setahun** bagi melaksanakan aktiviti atau program di kampung masing-masing.

3.0 SUMBER KEWANGAN

Akaun ini hendaklah dikreditkan dengan peruntukan secara Pemberian Langsung (*Outright Grant*) daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) di bawah Vot P01/P.K1/10010-Perkhidmatan Masyarakat.

4.0 PERTAMBAHAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN

4.1 Sejumlah **RM3,000.00** adalah dibenarkan bagi perbelanjaan program sambutan perayaan. Garis panduan penggunaan peruntukan adalah seperti berikut:

4.1.1 penggunaan peruntukan tersebut adalah bagi mengadakan sambutan perayaan utama keagamaan; dan

4.1.2 jumlah perbelanjaan maksimum bagi program perayaan tersebut adalah RM3,000.00 setahun. Walau bagaimanapun, amaun tersebut meliputi sambutan perayaan lain sekiranya ingin dianjurkan.


5.0 KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama-sama Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2011 Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ketua Kampung Dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) Negeri Selangor serta tertakluk kepada prosedur kewangan dan lain-lain peraturan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Tarikh : 8 Ogos 2012

Salinan kepada:

- i. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
- vi. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan